

**REKA BENTUK SEJAGAT DI DALAM KAWASAN TAMAN AWAM,
TAMAN TASIK TITIWANGSA, KUALA LUMPUR**

Oleh

LUKMAN HAKIM BIN LIAS

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2012

ABSTRAK

Kawasan rekreasi Taman Tasik Titiwangsa merupakan sebuah kawasan rekreasi yang terletak di tengah-tengah Kuala Lumpur. Kawasan rekreasi ini merupakan pusat tumpuan semua masyarakat. Oleh yang demikian, kawasan ini memerlukan perancangan dan pembangunan yang baik. Demi untuk merancang pembangunan yang baik, kajian mengenai pembangunan reka bentuk sejagat telah dijalankan di dalam kawasan kajian. Dalam memastikan, kajian teoritikal telah dijalankan untuk mengenal pasti beberapa ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai matlamat kajian. Seterusnya mengenal pasti masalah yang terdapat di dalam kawasan taman. Di dalam mengenal pasti masalah di dalam kawasan taman beberapa kaedah digunakan seperti soal selidik, temubual, dan pengamatan. Setelah soal selidik, pengamatan dan temubual dijalankan, seterusnya melakukan kerja-kerja analisis. Kerja-kerja analisis ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti isu-isu utama yang terdapat di dalam kawasan kajian. Setelah mendapatkan isu-isu semasa di kawasan kajian, seterusnya membentuk cadangan-cadangan yang dapat menyelesaikan masalah yang terdapat di dalam kawasan kajian berdasarkan kepada kajian teoritikal yang telah dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mewujudkan satu kawasan rekreasi yang mengamalkan konsep-konsep reka bentuk sejagat yang dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada seluruh masyarakat.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya kajian ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam menjayakan kajian ini, terdapat banyak pihak telah membantu saya dari mula hinggalah ke akhir kajian. Tiada perumpamaan yang dapat diucapkan dan diberi bagi membalas jasa dan budi yang telah dihulurkan sepanjang kajian ini. Di sini saya dengan berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia kajian ini iaitu Cik Maimon Bt Hj Ali di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang tidak terkira nilainya sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Tidak lupa kepada pembaca kedua kajian akhir ini di atas bantuan di dalam menjayakan kajian ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur khususnya kepada Encik Shariman dan juga penyelia Taman Tasik Titiwangsa iaitu Encik Bistamam bin Che Long di atas segala bantuan dari segi bahan rujukan, maklumat dan idea yang tidak ternilai yang telah diberikan kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan yang telah memberi dorongan dan sokongan sepanjang menjalankan kajian ini.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	viii
Senarai Pelan	xi
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkat Kata	xi

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Isu Dan Masalah	2
1.1.1	Tempat letak kenderaan golongan OKU tidak Disediakan	2
1.1.2	Lorong bersenam hanya terdapat satu lorong	2
1.1.3	Tahap kemudahan yang disediakan berada di dalam tahap yang tidak memuaskan	3
1.1.4	Kemudahan yang disediakan di kawasan berkenaan tidak mempunyai reka bentuk pelbagai	3
1.2	Matlamat	3
1.3	Objektif	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Methodologi Kajian	4
1.5.1	Peringkat 1 : Kajian awalan	4
1.5.2	Peringkat 2 : Kajian teoritikal	5
1.5.3	Peringkat 3 : Pengumpulan data	5

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Taman awam merupakan pusat tumpuan awam bagi sesuatu kawasan. Ia merupakan aspek yang penting di dalam sesebuah bandar. Selain itu, kawasan yang berkenaan juga akan menjadi kawasan tumpuan para penduduk di sekitar. Tujuan kawasan taman awam diwujudkan adalah sebagai tempat orang awam berehat, beriadah dan meluangkan masa lapang. Kawasan ini juga turut menyediakan beberapa ciri kemudahan awam untuk para pengunjung.

Pembinaan kemudahan sejagat di dalam taman awam adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada setiap orang awam yang menggunakan taman tersebut. Selain itu, setiap elemen yang disediakan bukan sahaja dapat memberikan kemudahan kepada seluruh orang awam, tetapi juga dapat memberi kebaikan kepada alam sekitar.

Pada masa kini, Malaysia amatlah lemah dengan pembangunan yang mampu memberikan keselamatan dan reka bentuk pelbagai yang mampu memberi kemudahan kepada semua pengunjung. Golongan-golongan lain seperti orang kurang upaya, warga emas, kegemukan yang berlebihan (obesity) dan golongan sihat juga ingin melakukan aktiviti yang dilakukan oleh manusia biasa. Meskipun begitu, terdapat kekangan di kawasan taman awam yang telah menghadkan golongan ini melakukan aktiviti-aktiviti seperti yang dilakukan oleh golongan sihat.